



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI JUN 2024

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi Jun 2024. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar dari 11 sektor ekonomi, di kesemua daerah di negara ini.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi di dalam negara.
3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Terdapat sembilan sub-indeks di dalam BSI. Indeks utama BSI, iaitu **Sub-indeks Keadaan Perniagaan** adalah 50.0 bagi Jun 2024. Berikutan nilai 49.9 yang dilaporkan pada Mei, ini menunjukkan bahawa perniagaan sektor swasta secara amnya menjangka keadaan perniagaan yang lebih kurang sama pada Jun 2024 berbanding dengan bulan sebelumnya. Hasil kaji selidik menunjukkan aktiviti pasaran dijangka akan kekal perlahan disebabkan oleh acara tempatan yang berkurangan pada Jun 2024 yang seterusnya menyumbang kepada penurunan tahap jualan serta kecenderungan pengguna tempatan untuk berbelanja di negara-negara jiran. Sentimen pesimistik juga dicatat oleh beberapa sektor seperti sektor Pembinaan, di mana perniagaan yang terlibat dalam projek-projek kerajaan mengongsikan kebimbangan terhadap pembayaran yang tertangguh semasa tempoh penstabilan sistem. Walau bagaimanapun, terdapat juga sentimen optimistik bagi perniagaan yang mendapat pengesahan projek-projek baharu bagi Jun 2024. Indeks bagi satu bulan [1M] ke hadapan berada pada tahap 50.0, menunjukkan para peniaga menjangka prestasi keseluruhan yang lebih kurang sama pada Julai 2024 disebabkan pelaksanaan projek-projek yang sedia ada dan mengambil kira hari-hari kelepasan awam pada bulan Julai tersebut. Manakala, beberapa perniagaan yang terlibat dalam pesanan perniagaan dan

projek-projek berkaitan dengan sambutan perayaan ulang tahun hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengongsikan jangkaan bahawa prestasi perniagaan akan bertambah baik bagi Julai 2024.

5. **Sub-indeks Pelaburan** adalah 50.0 bagi Jun 2024, 50.1 untuk satu bulan ke hadapan, dan 50.3 bagi tiga bulan ke hadapan. Secara amnya, para peniaga merancang untuk mengekalkan tahap pelaburan pada Jun 2024, terutamanya kerana mereka masih mempunyai stok dari pembelian sebelum ini dan mempunyai mesin dan peralatan yang mencukupi untuk projek-projek dan operasi yang sedang berlangsung. Bagi beberapa bulan yang akan datang, perniagaan merancang untuk meningkatkan pelaburan seperti membina kemudahan baharu, memperluaskan premis perniagaan, membuka cawangan baharu dan membeli mesin dan peralatan baharu untuk meningkatkan tahap pengeluaran dan sebagai persiapan untuk projek-projek di masa akan datang.
6. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** adalah 50.2 bagi Jun 2024 dan bagi satu bulan ke hadapan. Meneruskan tren seperti sebelumnya, para peniaga mengongsikan usaha berterusan dalam pengambilan pekerja untuk memenuhi keperluan operasi mereka dan mengganti pekerja yang berhenti.
7. **Sub-indeks Kos Perniagaan** adalah 49.6 bagi Jun 2024 dan 49.9 bagi satu bulan ke hadapan. Secara amnya, para peniaga menjangka kos perniagaan akan menurun pada Jun dan Julai 2024, selaras dengan aktiviti pasaran yang perlahan dan penurunan tahap penjualan. Namun, hasil kaji selidik menunjukkan sektor Minyak & Gas dan yang Berkaitan telah mempengaruhi sub-indeks ini dengan ketara, di mana aktiviti penyelenggaraan yang berakhir pada pertengahan Jun 2024 menyebabkan kos perniagaan menurun berbanding Mei 2024. Bagi bulan seterusnya, sektor ini menjangka kos operasi lebih rendah berbanding dengan Jun 2024 dengan pengembalian semula aktiviti operasi seperti biasa pada Julai 2024. Sementara itu, sektor lain menjangka peningkatan dalam kos perniagaan,mengambil kira kenaikan dalam kos pembayaran gaji perkerja disebabkan oleh pengambilan pekerja pada Jun dan Julai 2024.

BSI Jun 2024	
Keadaan Perniagaan	
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.0
Pelaburan	50.0
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.1
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.3
Pengambilan Pekerja	50.2
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.2
Kos Perniagaan Bulan Ini	49.6
Kos Satu Bulan ke Hadapan	49.9

8. Dari segi **sektor ekonomi**, tiga daripada 11 sektor menjangka keadaan perniagaan yang sedikit optimistik pada Jun 2024. Hasil kaji selidik menunjukkan pandangan yang berbeza dalam Sektor Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan. Beberapa perniagaan mengongsikan sentimen optimistik dengan jangkaan peningkatan permintaan bagi sayuran dan ayam itik, serta peningkatan dalam hasil tangkapan ikan. Manakala, perniagaan lain menjangka keadaan yang lebih kurang sama, meskipun adanya sambutan Hari Raya Aidiladha. Beberapa perniagaan turut mengongsikan kebimbangan berkaitan

dengan akibat daripada cuaca buruk yang akan menjejaskan tahap pengeluaran. Sektor Kesihatan & Pendidikan dan sektor Perkhidmatan Lain berpandangan sedikit optimistik terhadap prestasi perniagaan kerana berkurangnya hari kelepasan awam berbanding dengan Mei 2024. Sebaliknya, empat sektor menjangka keadaan perniagaan akan merosot pada Jun 2024. Sektor Perdagangan Borong & Runcit dan sektor Pembuatan secara amnya mengongsikan jangkaan keadaan pasaran yang perlahan dan kelembapan dalam permintaan yang merupakan tren kebiasaan selepas musim perayaan.

- Beberapa perniagaan pula menunjukkan prestasi perniagaan menurun disebabkan oleh pengguna tempatan yang lebih cenderung untuk berbelanja di negara-negara jiran. Sektor Hotel & Restoran, yang prestasinya secara amnya dikaitkan dengan aktiviti domestik, berasa pesimistik disebabkan tidak ada acara pada Jun 2024. Sektor Minyak & Gas dan yang Berkaitan juga terjejas oleh aktiviti-aktiviti penyelenggaraan berjadual dan jangkaan kadar keuntungan yang lebih rendah. Sementara itu, sektor Pembinaan, Kewangan & Insurans, Harta Tanah & Pemilikan Kediaman, dan Pengangkutan & Komunikasi melaporkan keadaan perniagaan yang hampir sama seperti Mei 2024. Hasil kaji selidik terus menunjukkan sentimen yang berbeza dalam sektor Pembinaan di mana beberapa perniagaan mempunyai projek di dalam fasa pelaksanaan ataupun menjangka akan menerima tawaran projek baharu. Namun, terdapat juga segelintir perniagaan yang mengongsikan kebimbangan mengenai kekurangan projek atau projek yang terjejas oleh pembayaran yang tertangguh.

Keadaan Perniagaan Jun 2024 Mengikut Sektor	
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.1
Kesihatan & Pendidikan	50.1
Perkhidmatan Lain	50.1
Pembinaan	50.0
Kewangan & Insurans	50.0
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.0
Pengangkutan & Komunikasi	50.0
Pembuatan	49.9
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	49.9
Hotel & Restoran	49.8
Perdagangan Borong & Runcit	49.7

- Dari segi indeks mengikut **saiz perniagaan**, perniagaan bersaiz kecil secara amnya mengongsikan sentimen yang optimistik bagi Jun 2024 berbanding dengan bulan sebelumnya. Ini didorong oleh jangkaan penambahbaikan dalam penjualan dan pengendalian projek-projek baharu. Perniagaan bersaiz besar menjangka keadaan perniagaan akan merosot berbanding Mei 2024 setelah berakhirnya musim perayaan. Sementara itu, perniagaan bersaiz mikro dan kecil menjangka keadaan perniagaan yang lebih kurang sama pada Jun 2024 berbanding dengan bulan sebelumnya.

Keadaan Perniagaan Jun 2024 Mengikut Saiz	
Mikro	49.9
Kecil	50.2
Sederhana	50.0
Besar	50.0

11. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak Ogos 2020 adalah di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdcb.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.


Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 7 Safar 1446H / 12 Ogos 2024M

Ruj: BDCB/COMMS/3


LAMPIRAN 1

Keadaan Perniagaan



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.


Pelaburan



Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Kadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikandalikan.


Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.

Pengambilan Pekerja



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama/tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.


Kos



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos. Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Jun 2024



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.